

**Ketua Pengarah  
Fama, Datuk  
Mohamed Shariff  
Abdul Aziz**

# Potensi pemb

**Bersemuka**

## Pameran Maha beri ruang pengusaha tempatan

Oleh Jami'at Shukri  
bhnews@bharu.com.my

**L**EMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menganjurkan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2008 (Maha 2008) mulai kelmarin hingga 23 Ogos ini. Bagaimana Datuk melihat kepentingannya kepada industri pertanian negara?

Maha 2008 adalah pameran terbesar hasil pertanian dan produk berasaskan pertanian dengan mengumpul agensi kerajaan dan komuniti industri pertanian tempatan dalam satu bumbung termasuk daripada pengusaha tempatan dan antarabangsa. Objektif pameran ialah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pembangunan pertanian dan industri berasaskan pertanian supaya dapat menarik pelabur swasta dari dalam dan luar negara. Menerusinya ia dapat menonjolkan pertanian sebagai satu kerjaya yang menjamin masa depan dan memberi keuntungan lumayan, menjadi medan pertemuan penjual dan pembeli, pencipta teknologi dan pembekal perkhidmatan sektor pertanian serta menjadi pusat maklumat bagi mendedahkan teknologi terkini kepada kumpulan sasaran. Oleh itu, pada Maha 2008 kali ini, sebanyak 1,448 gerai pameran disediakan sepanjang 13 hari pameran yang akan diadakan di Taman Pameran Pertanian Malaysia, Serdang (MAEPS). Pameran itu turut dicatatkan dalam Guinness Book of Record. Tahun lalu, hanya disertai 962 gerai. Kali ini, sebanyak 300 gerai membabitkan penyertaan jabatan dan agensi kerajaan, pameran syarikat swasta tempatan (132); pameran syarikat antarabangsa (89) antaranya Australia, Afrika Selatan, Taiwan, Indonesia, United Kingdom dan India. Tidak terkecuali diadakan Agro Bazar, iaitu menjual hasil pertanian.



**“** Hasil jualan dijangka mencapai RM13 juta sepanjang 13 hari berbanding Maha 2006 yang mencatat jualan berjumlah RM6 juta. Kita juga menjangka potensi pepadanan syarikat dapat dilakukan dua kali ganda daripada tahun lalu”

**“** Saya berharap

**Apakah perbezaan Maha 2008 dengan pameran tahun sebelumnya?**

Dulu penyertaan kecil, kini ia lebih besar dan ramai. Kawasan tetap lebih selesa serta lebih mesra pelanggan bagi memudahkan orang ramai berurusan untuk membeli-belah. Australia saja mengambil 30 gerai dengan menunjukkan teknologi terkini dalam bidang pertanian. Pameran Maha sebelum ini (Maha 2006) dapat menarik lebih sejuta pengunjung dan tahun ini dijangka mampu menarik 1.3 juta pengunjung dengan kira-kira 100,000 pengunjung sehari. Pameran terakhir menggunakan 'marquee tents' tetapi Maha tahun ini ada struktur bangunan yang lebih selesa, besar dan hebat. Apa yang lebih menarik, lebih 100 makanan popular dan istimewa dari setiap negeri juga akan dipaparkan ketika pameran termasuk mi udang dari Pulau Pinang dan mi bandung dari Muar, Johor. Selain itu diadakan seminar antaranya bertajuk "Pertanian ada-

*orang ramai datang beramai-ramai mengunjung pameran itu kerana ia menjanjikan kepuasan dengan pelbagai produk yang menarik dari dalam dan luar negara berkonsepkan pusat sehenti dengan membeli pada harga lebih rendah di pasaran. Kita percaya dengan kunjungan itu dapat memberikan sokongan padu kepada pengusaha tempatan"*

# bangunan pertanian komersial

tan perkenal produk secara meluas kepada golongan sasaran

MIS 28



PELUANG: Maha 2008 dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Tapak Pameran Pertanian Malaysia, Serdang, hari ini.

lah satu perniagaan” “Peluang meningkatkan eksport produk makanan berdasarkan cita rasa pengguna di Jepun, Eropah, Asia Barat dan Eropah serta Peluang Perniagaan Agromakanan dalam Pengurusan Rantaian Bekalan Halal. Penceramah tempatan dan antarabangsa akan membentangkan kertas kerja.

### **Jelaskan tema 'Pertanian adalah Perniagaan' pada tahun ini?**

Tema ini dipilih kerana pertanian adalah perniagaan yang serius dan tidak lagi dianggap sebagai kerja sambilan kepada peladang. Sebelum ini peladang yang menceburi bidang itu untuk sara diri, tetapi sekarang ke tahap lebih tinggi dengan menjadikan satu perniagaan besar-besaran. Petani tradisional juga perlu meningkatkan teknologi mereka. Malah dengan nilai tambah dan kesungguhan kerajaan, kita juga dapat menggalakkan generasi muda terutama graduan lepasan universiti menceburi bidang pertanian secara komersial. Skop dalam pameran itu juga sudah meliputi semua sektor pertanian. Peluang yang ada dalam pertanian begitu luas dan mampu menandingi peringkat antarabangsa.

### **Sasaran Maha 2008 daripada urusan niaga?**

Hasil jualan dijangka mencapai RM13 juta sepanjang 13 hari berbanding Maha 2006 yang mencatat jualan berjumlah RM6 juta. Kita juga menjangka potensi pema-

danan syarikat dapat dilakukan dua kali ganda daripada tahun lalu. Mengikut statistik sebanyak RM113 juta pesanan jualan atau promosi dapat dilakukan pada tahun lalu dengan 102,720 pertanyaan perdagangan membabitkan pengusaha tempatan dan luar negara. Menerusi Maha, ia dapat mendedahkan pelbagai produk baru dan ini akan membuka peluang lebih luas kepada peserta untuk mengembangkan perniagaan termasuk di peringkat antarabangsa.

### **Malaysia mahu menjadi hab bagi hasil pertanian. Bagaimana peranan Fama merealisasikan matlamat itu?**

Kita sedang dalam proses ke arah itu. Kita serius dalam pelbagai aspek iaitu bermula daripada pengeluaran produk kepada penggunaan ia mesti ada sistem yang teratur. Oleh itu, Fama berperanan untuk mengatur, menyusun dan menstruktur semula bagi mengisi ruang rangkaian bekalan. Jika di peringkat pengeluaran, kalau ada pengeluar tidak cukup logistik kita akan bantu dan daripada pengeluaran sampai ke pengguna akan melalui saluran yang tidak ada apa-apa halangan. Kita juga menyediakan pusat kutipan di seluruh negara, pusat operasi yang akan mengambil produk di pusat kutipan dan kemudian dihantar kepada pusat pelanggan. Sebanyak 77 pusat kutipan dan 36 pusat operasi di seluruh negara.

### **Apa harapan Fama pada Maha 2008 ini?**

Saya berharap orang ramai datang beramai-ramai mengunjungi pameran itu kerana ia menjanjikan kepuasan dengan pelbagai produk yang menarik dari dalam dan luar negara berkonsepkan pusat sehenti dengan membeli pada harga lebih rendah

di pasaran. Kita percaya dengan kunjungan itu dapat memberikan sokongan penuh kepada pengusaha tempatan. Kita berharap menerusi Maha itu, semua produk dan hasil pertanian dapat didedahkan secara meluas kepada golongan sasaran termasuk di kalangan pemborong, peruncit dan pasar raya besar. Kita mempunyai banyak produk dihasilkan pengusaha tempatan. Bagi pengusaha luar negara, masa ini digunakan untuk meninjau produk untuk dipasarkan di negara mereka. Setakat ini, banyak produk tempatan berjaya mendapat tempat di peringkat antarabangsa, khususnya berasaskan produk dan buah-buah tropika seperti pelbagai jenis kerepek (nanas, ubi, pisang dan nangka), jem, jus dan sejuk beku.

### **Bagaimana kesedaran masyarakat terhadap produk tempatan?**

Kebanyakan pengguna lebih berminat untuk mendapatkan produk iaitu hasil pertanian yang segar. Kesedaran masyarakat sudah berubah sekarang dan mereka memang memilih produk tempatan kerana lebih segar serta tidak begitu banyak penggunaan bahan racun dan kimia berbanding yang diimport kerana ia biasanya disipon lama. Malah, kita juga mengadakan kempen menggalakkan pengambilan makanan dan buah-buah segar dan berkhasiat. Kita diminta kerajaan untuk mengatur pasaran lebih bersistematik terhadap sayur-sayuran dan buah-buahan. Semua bekalan itu tidak mengalami kekurangan dan tidak bergantung kepada import. Cuma sesetengah hasil pertanian bergantung kepada produk import seperti cili dan kobis. Ia berlaku disebabkan cuaca, diserang penyakit dan sebagainya. Biasanya masalah itu membabitkan jangka pendek iaitu dalam tempoh tiga bulan.